

Anugerah BCIA iktiraf seni bina dan kejuruteraan

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

ANUGERAH Industri Pembinaan British (*British Construction Industry Awards*) atau BCIA 2008 sekali lagi menerima banyak penyertaan daripada 190 projek terbaik di United Kingdom (UK) dan syarikat UK yang beroperasi di luar negara.

Sebanyak 35 projek dalam UK disenarai pendek dan dilawati oleh panel hakim dan peserta perlu menjawab soalan semasa di tapak projek.

Pada masa sama, sebanyak lima kumpulan antarabangsa disenarai pendek ditemubual di London oleh panel hakim selain lawatan ke tapak projek bagi melihat keadaan sebenar.

BCIA bukan hanya pertandingan reka bentuk tetapi juga melibatkan faktor kejuruteraan dan seni bina selain kualiti, pembinaan, keselamatan, kegunaan, inovasi dan faedah kepada komuniti.

Antara pemenang BCIA 2008

Anugerah Perdana Menteri bagi Bangunan Terbaik - Hospital Kanak-kanak Royal Alexandra, Brighton.

Dibina di atas tapak hospital lama, ia boleh dikatakan menaiktaraf bangunan lama kepada bangunan seakan hotel yang dapat memberikan keselesaan kepada pesakit.

Anugerah Projek Bangunan Kecil - East Beach Cafe, Littlehampton

- Bangunan ikonik yang dibina dari logam dengan bjet terhad di tepi pantai kini menjadi ikon di Littlehampton.

Anugerah Kejuruteraan Awam Kecil - Exmouth Dock and Sea Wall

- Projek berkenaan memang mencabar kerana terdapat marina berhampiran dan jika tidak dibina dengan teratur akan merosakkan marina berkenaan.



TEATER Young Vic memenangi kategori Anugerah Bangunan kerana berjaya mengekalkan sebahagian dalam bangunan.

Anugerah Bangunan - Young Vic

- Sebahagian bangunan lama yang diubah suai luar dan dalam tetapi terdapat bahagian teater 1970an masih dikekalkan.
- Young Vic berjaya memenuhi keperluan dan aspirasi pelanggannya.

Anugerah Kejuruteraan Awam - Newthiggin Bay Coastal Protection Scheme

- Projek awam kelas pertama bagi menghalang hakisan laut dan memelihara pusat fizikal dan ekonomi.

Anugerah Kejuruteraan Awam (Kepujian Tertinggi) - Castleford Footbridge

- Projek Castleford yang menggunakan tenaga tempatan memberikan inspirasi kepada masyarakat setempat.



PROJEK Castleford yang dibina menggunakan tenaga tempatan memberikan inspirasi kepada masyarakat setempat memenangi Anugerah Kejuruteraan Awam.

- Kerjasama yang terjalin antara arkitek, jurutera dan kontraktor melahirkan satu bentuk bangunan yang amat berkualiti.

Anugerah Projek Utama - Stesen Antarabangsa St. Panama

- Stesen kereta api yang terkenal ini telah diubah dengan mengekalkan sebahagian bahagian dalaman diadun dengan bahagian dalaman kompleks bagi kawasan keluar masuk ke Eropah.

Anugerah Projek Utama (Kepujian Tertinggi) - Heathrow Terminal 5

- Projek yang mengubah pengalaman Heathrow dengan pembinaan yang selesai mengikut bajet dan masa, pada masa yang sama lapangan terbang tersebut di United Kingdom ini masih beroperasi tanpa gangguan.

Anugerah Awalan Terbaik - Aston Martin Design Studio, Gaydon

- Studio yang dibina dalam masa 12 bulan menggunakan bahan tempatan bagi menghasilkan rekaan dan memuakkan pengguna.

Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (Kepujian Tertinggi) - Sekolah St. Marylebone, Pusat Seni Persembahan

Sebuah sekolah menengah di tengah bandar telah diubah dengan pelbagai kemudahan termasuk ruangan baru sembilan meter di bawah tanah.

- Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (Kepujian Tertinggi) - Sheffield Inner Relief Road
- Anugerah Konservasi - Royal Festival Hall, London
- Anugerah Konservasi (Kepujian Tertinggi) - Royal Hall Harrogate
- Anugerah Alam Sekitar - Skim Melindungi Pantai Cleveleys
- Anugerah Renegerasi - DLR Langdon Park, London
- Anugerah Khas Hakim - Pusat Keadilan Awam Manchester
- Anugerah Antarabangsa - Terowong SMART, Kuala Lumpur, Malaysia
- Anugerah Antarabangsa (Kepujian Tertinggi) - Kensington Oval Cricket Ground, Barbados.



TERMINAL 5 Lapangan Terbang Heathrow memenangi Anugerah BCIA 2008 dalam kategori Anugerah Projek Utama kerana terminal berkenaan dapat disiapkan mengikut bajet dan masa yang ditetapkan tanpa mengganggu pengguna.